

# Diplomasi wasatiyyah Malaysia-Arab Saudi

Kunjungan sulung Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia baru-baru ini cukup signifikan dalam iklim ketidaktentuan geopolitik dunia hari ini, bukan sahaja mengeratkan hubungan diplomatik yang sekian lama terjalin, malah turut membuka dimensi baharu daripada perspektif pertahanan, perdagangan, penyelidikan saintifik, dan juga pendidikan kedua-dua negara.

Antara yang menjadi tumpuan pastilah pemeteraian memorandum persefahaman (MOU) bernilai RM9.74 bilion, persetujuan bagi penubuhan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman di sini dan juga persetujuan awal Malaysia dalam latihan pengurusan dan kawalan kapal selam kepada angkatan tentera laut Arab Saudi.

## Stabil iklim politik

Apakah manfaat lawatan penjaga dua Kota Suci ini buat Malaysia? Sebagai negara yang mengamalkan pendekatan politik wasatiyyah (bersederhana), Malaysia berpotensi menyumbang usaha menstabilkan iklim politik seran-

tau dan juga antarabangsa.

Maka, pemilihan Malaysia sebagai tapak Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman dalam usaha menangkis naratif ekstremis adalah cukup strategik dalam jangka panjang.

Ia bukan sahaja memanfaatkan Malaysia, tetapi juga Asia Tenggara dari perspektif penubuhan Komuniti ASEAN, usaha mencegah penyebaran ideologi pengganas dibasmi secara bersepadu dan berkesan. Indonesia serta Filipina turut berdepan ancaman ideologi ekstremis ini.

Dari perspektif makro pula, iklim geopolitik dunia diakibatkan ketidaktentuan pentadbiran Presiden Donald Trump di Rumah Putih, serta peningkatan ketegangan AS dengan China turut menatijahkan keperluan lebih besar buat Malaysia mengembangkan 'diplomasi wasatiyyah'.

Malaysia dan Arab Saudi sememangnya diketahui berganding bahu mendepani isu geopolitik seperti Palestin, pendudukan Soviet Union ke atas Afghanistan, isu Bosnia, dan lain-lain menerusi pelbagai platform termasuk Pertubuhan

Negara-Negara Berkecuali (NAM), Kumpulan 77 (G-77), dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Maka khusus dalam konteks situasi pergelutan di Asia Barat, kedua-dua negara mengambil pendirian dalam sesi lawatan ini dengan penegasan kembali Inisiatif Keamanan Arab buat keamanan di Palestin, penegasan kenyataan Geneva 1 dan Resolusi 2254 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) dalam penyelesaian krisis Syria, penegasan komitmen kepada Inisiatif Teluk dan Resolusi 2216 (UNSC) dalam penyelesaian krisis Yaman, serta penegasan kepada Iran agar meningkatkan komitmen kepada kedaulatan negara di rantau Asia Barat.

## Peranan konstruktif

Hal ini tidak bermakna Malaysia memusuhi mana-mana negara, malah dalam konteks hubungan Malaysia-Iran, Malaysia turut memainkan peranan konstruktif dengan menyasarkan usaha pemeteraian perdagangan bebas menjelang akhir 2017. Perlu ditegaskan, Malaysia memiliki kedaulatan tersendiri menentukan

dasar luar, pertahanan, dan perdagangan negara. Cukup mengecewakan apabila ada yang mempersoalkan langkah meningkatkan kerjasama dengan Arab Saudi.

Berdasarkan senario semasa, Malaysia berada dalam trajektori tepat apabila meningkatkan hubungan dengan Arab Saudi. Sebagai contoh, jumlah eksport Malaysia ke Arab Saudi pada 2015 ialah RM3.4 bilion, masih rendah berbanding China (RM101 bilion), Amerika Syarikat (RM73.6 bilion), dan Jepun (RM73.8 bilion).

Dalam aspek pertahanan, Malaysia ketika ini masih perlu mengimbangi percaturan geopolitik jangka masa panjang antara negara di sebelah Timur, iaitu di rantau Laut China Selatan, dengan negara di barat Lautan Hindi.

Seperti langkah Laksamana Hang Tuah berusaha mengimbangi hubungan diplomatik Melaka dengan China, Majapahit, dan Siam di Timur, dengan India dan Turki dari Barat, wajarlah Malaysia memanfaatkan kerjasama dengan Arab Saudi sebagai pemangkin menerokai pelbagai peluang dengan negara Teluk lain.

## Komentaar



### Abdul Muein Abadi

Pensyarah Program Sains Politik  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(UKM)